

KEPUTUSAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
PERMOHONAN JENAYAH NO: BA-44-47-02/2022

ANTARA

THEEBAN CHETTIAR A/L N MAGESWARAN

(No. K/P: 910403075633)

...PEMOHON

DAN

1. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI,
MALAYSIA

2. PENGARAH,
PUSAT PEMULIHAN AKHLAK
BATU GAJAH, PERAK

3. KETUA POLIS NEGARA, MALAYSIA

...RESPONDEN-RESPONDEN

A. PENDAHULUAN

[1] Ini merupakan satu permohonan *Habeas Corpus* terhadap satu Perintah Tahanan bertarih 12 November 2021 di bawah seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ("Akta tersebut") yang memerintahkan Pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak ("PPA") Batu Gajah, Perak selama dua (2) tahun.

B. ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN

[2] Berikut merupakan lima isu yang dibangkitkan oleh pihak Pemohon:

- i. Kelewatan dua puluh satu (21) hari oleh Pegawai Penyiasat Kes Fail dalam mengemukakan laporan lengkap menurut seksyen 3 Akta tersebut kepada Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri ("KDN") dan Timbalan Menteri Dalam Negeri ("TMDN");

- ii. Kelewatan lapan belas (18) hari oleh Pegawai Siasatan KDN dalam menjalankan siasatan terhadap Pemohon dan kelewatan empat (4) hari lagi oleh Pegawai Siasatan KDN dalam mengemukakan laporan lengkap kepada TMDN;
- iii. Jurubahasa Tamil tidak dibekalkan kepada Pemohon/khidmat Jurubahasa Tamil tidak digunakan ketika proses siasatan Peg Siasatan KDN menjadikan laporan yang dikemukakan di bawah seksyen 6(1)(b) Akta tersebut defektif;
- iv. Pegawai Penyiasat Polis gagal membekalkan khidmat Jurubahasa Tamil semasa Borang I diserahkan kepada Pemohon; dan
- v. Saksi-saksi yang dipohon oleh Pemohon tidak dikemukakan di hadapan Lembaga Penasihat sekaligus menyebabkan keterangan saksi-saksi tersebut tidak dapat didengar ketika Pendengaran Representasi Pemohon.

ISU PERTAMA DAN ISU KEDUA:

KELEWATAN 21 HARI OLEH PEGAWAI PENYIASAT KES FAIL DALAM MENGEMUKAKAN LAPORAN LENGKAP MENURUT SEKSYEN 3 AKTA DAN KELEWATAN 18 HARI OLEH PEGAWAI SIASATAN KDN DALAM MENJALANKAN SIASATAN TERHADAP PEMOHON DAN KELEWATAN 4 HARI LAGI OLEH PEGAWAI SIASATAN KDN DALAM MENGEMUKAKAN LAPORAN LENGKAP KEPADA TMDN

- [3] Kedua-dua isu ini akan diulas bersekali kerana melibatkan isu yang sama dan prinsip undang-undang yang sama.
- [4] Seksyen 5 (4) Akta tersebut tidak memperuntukkan tempoh masa tertentu kepada Pegawai Siasatan KDN untuk menyerahkan laporan lengkap atas Pemohon kepada Menteri Dalam Negeri.
- [5] Dalam keadaan apabila sesebuah Akta Parlimen khusus tidak memperuntukkan tempoh masa spesifik untuk sesuatu tindakan dilaksanakan, tindakan tersebut hendaklah dilaksanakan dalam tempoh kesegeraan yang praktik.

[6] Seksyen 54(2) Akta Tafsiran 1948 & 1967 memberi gambaran bahawa perkiraan masa apabila tidak diperuntukkan oleh Akta Parlimen adalah merujuk kepada kesegeraan yang praktik dan sekerap sebagaimana perkara yang diadakan berbangkit (*with all convenient speed and as often as the prescribed occasion arises*).

[7] Pegawai Penyiasat Polis telah menandatangani melalui Afidavit Jawapan beliau seperti berikut:

- i. Pada 15-09-2021, penangkapan terhadap Pemohon di bawah Seksyen 3(1) Akta tersebut telah dibuat;
- ii. Pada 16-09-2021, saya telah menyerahkan kebenaran lanjutan tahanan terhadap Pemohon di bawah Seksyen 3(2)(a) Akta tersebut. Saya juga telah mula merancang siasatan bagi fail kes Pemohon dan fail kes lain yang mana saya juga telah ditugaskan sebagai Pegawai Penyiasat;
- iii. Pada 17-09-2021, saya menguruskan berkaitan pematuhan Seksyen 3(2)(b);
- iv. Pada 18-09-2021, saya telah mengarahkan anggota-anggota saya untuk mengesakan kedudukan saksi-saksi bagi kes Pemohon;
- vi. Pada 19-09-2021, saya telah merakam percakapan saksi bagi kes Pemohon di bawah Seksyen 4 Akta tersebut di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim, Kedah;
- vii. Pada 20-09-2021, saya telah mengemukakan permohonan semakan salinan Kad Pengenalan Pemohon di Jabatan Pendaftaran Negara;
- viii. Pada 21-09-2021, saya terlibat dengan tugas Ops-Harian bersama anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Kulim Kedah untuk menjalankan tangkapan ke atas subjek-subjek kes lain berkaitan penyalahgunaan dadah berbahaya di sekitar kawasan pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim, Kedah;
- ix. Pada 22-09-2021, saya telah merakam percakapan Pemohon di bawah Seksyen 4 Akta tersebut di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim, Kedah;
- x. Pada 23-09-2021, saya merakam percakapan Pemohon di bawah Seksyen 4 di bawah Akta tersebut. Saya selanjutnya mengemaskini fail kes Pemohon bagi

- memasukkan maklumat-maklumat tambahan yang telah saya terima daripada Jabatan Pendaftaran Negara;
- xi. Pada 24-09-2021, saya telah membuat permohonan di Jabatan Penjara Malaysia dan Bukit Aman bagi mendapatkan rekod kesalahan lampau Pemohon jika ada. Selain itu saya juga telah mengarahkan anggota-anggota saya untuk mengesan kedudukan saksi-saksi bagi kes Pemohon;
 - xii. Pada 25-09-2021, saya bersama anggota telah pergi ke salah satu tempat pengedaran dadah Pemohon iaitu di sekitar kawasan Pasaraya Tesco Kajang, Selangor bagi tujuan mengambil gambar tempat kejadian, dan usaha mengesan saksi-saksi bagi kes Pemohon turut dijalankan.
 - xiii. Pada 27-09-2021, saya telah merakam percakapan saksi bagi kes Pemohon dibawah Seksyen 4 Akta tersebut.
 - xiv. Pada 28-09-2021, menguruskan berkaitan pematuhan Seksyen 3(2)(c) Akta tersebut ke atas Pemohon;
 - xv. Pada 29-09-2021 saya telah menerima laporan rekod kesalahan lampau Pemohon daripada Bukit Aman dan Jabatan Penjara Malaysia;
 - xvi. Pada 30-09-2021, saya terlibat dengan tugas Ops-Harian bersama anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Kulim, Kedah untuk menjalankan tangkapan ke atas subjek-subjek berkaitan penyalahgunaan dadah di sekitar kawasan pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim, Kedah;
 - xvii. Pada 01-10-2021, meneruskan siasatan kes Pemohon dengan menyemak maklumat-maklumat yang telah diperolehi;
 - xviii. Pada 02-10-2021, saya menjalankan tugas rasmi saya yang lain, saya juga mengemaskini fail kes Pemohon sebelum dirujuk dan dibincangkan dengan Pegawai Atasan;
 - xix. Pada 03-10-2021, saya telah mengemaskini fail kes Pemohon dengan memasukkan keterangan dokumen dan maklumat-maklumat tambahan yang telah saya perolehi ke dalam fail kes Pemohon. Saya juga telah dimaklumkan oleh anggota saya bahawa usaha pengesanan saksi-saksi, telah tidak berjaya. Lanjutan itu, saya telah memutuskan untuk melengkapkan siasatan kes Pemohon berdasarkan siasatan yang telah dijalankan sebelum ini dan keterangan sedia ada;

- xx. Pada 04-10-2021, saya telah menyediakan laporan lengkap penyiasatan Pemohon dibawah tangkapan 3(3) Akta tersebut;
- xxi. Pada 05-10-2021 saya berada di pejabat untuk menyediakan draf laporan lengkap penyiasatan keatas Pemohon dibawah Seksyen 3(3) Akta tersebut dengan menghalusi dan mempertimbangkan maklumat dan keterangan berkaitan untuk dimasukkan kedalam laporan lengkap penyiasatan untuk dimuktamadkan; dan
- xxii. Pada 06-10-2021, laporan lengkap penyiasatan kes Pemohon di bawah Seksyen 3(3) Akta tersebut yang saya telah sediakan telah saya kemukakan kepada pejabat Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri dan kepada Menteri Dalam Negeri.

15. Sesungguhnya saya menyatakan bahawa siasatan terhadap Pemohon serta laporan lengkap penyiasatan ke atas Pemohon di bawah Seksyen 3(3) telah diselesaikan dalam tempoh masa munasabah dan masih dalam tempoh enam puluh (60) hari yang dibenarkan di bawah Seksyen 3(3) Akta tersebut. Saya ingin menegaskan bahawa saya perlu mengesan saksi-saksi lain kes Pemohon ini kerana saksi-saksi lain Pemohon ini adalah sebahagian rangkaian sekumpulan besar orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya tersebut. Justeru, saya sememangnya memerlukan masa untuk mengesan saksi-saksi lain kes Pemohon ini. Saya menegaskan bahawa saya tidak dapat mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kes Pemohon kerana penzahiran laporan lengkap penyiasatan Pemohon tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan negara menurut Seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan memandangkan laporan tersebut mengandungi maklumat sulit berkaitan dengan saksi-saksi yang telah memberikan keterangan terhadap Pemohon secara sulit dan berasingan. Oleh yang demikian, saya tidak dapat mengemukakan laporan tersebut sebagai ekshibit. Justeru, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.”

[8] Secara ringkasnya jarak masa adalah seperti berikut:

| BIL. | FAKTA | TARIKH |
|-------------|--|---------------|
| 1. | Penangkapan terhadap Pemohon di bawah Seksyen 3(1) Akta tersebut | 15.9.2021 |
| 2. | Menyerahkan kebenaran lanjutan tahanan terhadap Pemohon di bawah Seksyen 3(2)(a) Akta tersebut. Saya juga telah mula merancang siasatan bagi fail kes Pemohon dan fail kes lain yang mana saya juga telah ditugaskan sebagai Pegawai Penyiasat | 16.9.2021 |
| 3. | Menguruskan berkaitan pematuhan Seksyen 3(2)(b) | 17.9.2021 |
| 4. | Mengarahkan anggota-anggota saya untuk mengesan kedudukan saksi-saksi bagi kes Pemohon | 18.9.2021 |
| 5. | Merakam percakapan saksi bagi kes Pemohon di bawah Seksyen 4 | 19.9.2021 |
| 6. | Mengemukakan permohonan semakan salinan Kad Pengenalan Pemohon di Jabatan Pendaftaran Negara | 20.9.2021 |
| 7. | Terlibat dengan tugas Ops-Harian bersama anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Kulim Kedah untuk menjalankan tangkapan ke atas subjek-subjek kes lain | 21.9.2021 |
| 8. | Merakam percakapan Pemohon di bawah Seksyen 4 Akta tersebut | 22.9.2021 |
| 9. | Merakam percakapan Pemohon di bawah Seksyen 4 dan mengemaskini fail Pemohon | 23.9.2021 |
| 10. | Membuat permohonan di Jabatan Penjara Malaysia dan Bukit Aman bagi mendapatkan rekod kesalahan lampau Pemohon (jika ada) dan mengarahkan anggota-anggota untuk mengesan kedudukan saksi-saksi | 24.9.2021 |

| BIL. | FAKTA | TARIKH |
|-------------|--|---------------|
| 11. | Mengambil gambar tempat kejadian, dan usaha mengesan saksi-saksi bagi kes Pemohon | 25.9.2021 |
| 12. | Merakam percakapan saksi bagi kes Pemohon dibawah Seksyen 4 | 27.9.2021 |
| 13. | Meguruskan berkaitan pematuhan Seksyen 3(2)(c) Akta tersebut ke atas Pemohon | 28.9.2021 |
| 14. | Menerima laporan rekod kesalahan lampau Pemohon daripada Bukit Aman dan Jabatan Penjara Malaysia | 29.9.2021 |
| 15. | Terlibat dengan tugas Ops-Harian bersama anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Kulim, Kedah | 30.9.2021 |
| 16. | Meneruskan siasatan kes Pemohon dengan menyemak maklumat-maklumat yang telah diperolehi | 1.10.2021 |
| 17. | Menerima makluman bahawa usaha pengesanan saksi-saksi telah tidak berjaya | 2.10.2021 |
| 18. | Mengemaskini fail kes Pemohon dengan memasukkan keterangan dokumen dan maklumat-maklumat tambahan | 3.10.2021 |
| 19. | Menyediakan laporan lengkap penyiasatan Pemohon | 4.10.2021 |
| 20. | Memuktamadkan laporan lengkap penyiasatan keatas Pemohon | 5.10.2021 |
| 21. | Mengemukakan Laporan Lengkap Siasatan kepada pejabat Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri dan kepada Menteri Dalam Negeri | 6.10.2021 |

[9] Pegawai Penyiasat Polis di dalam afidavitnya telah menunjukkan alasan yang menyebabkan berlakunya jarak masa antara penangkapan dan siasatan fizikal serta telah memberikan penjelasan antara tarikh selesai siasatan fizikal dan penyediaan laporan kepada Menteri.

[10] Sementara itu, Pegawai Siasatan KDN di dalam afidavitnya mengakui telah menerima laporan pada 6.10.2021 namun

siasatan fizikal hanya dilakukan pada 22.10.2021 dan laporan hanya dihantar ke Menteri pada 28.10.2021.

- [11] Merujuk kepada keputusan Mahkamah persekutuan di dalam kes **Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors. [2020] 1 CLJ 747** berkenaan isu ini adalah seperti berikut:

[67] Section 5(4) of the 1985 Act allows the Minister to prescribe regulations stipulating time but as apparent from the above, the Minister has not done so. We then turned to s. 54(2) of the Interpretation Acts 1948 and 1967 which stipulates that where no time is prescribed within which anything shall be done, that thing shall be done with all convenient speed and as often as the prescribed occasion requires. Simply put, for any matter where time has not by law been prescribed, such matter ought to be completed as soon as practicable and without inordinate delay.

[68] As the burden to prove the detention was lawful lies on the detaining authority, whether the report was completed with convenient speed or without inordinate delay remains a matter for the detaining authority ie, the respondents, to establish. It is trite that where there is delay on the part of the respondents to complete the report with “convenient speed”, it is incumbent upon the respondents to discharge the burden of proffering a satisfactory explanation for the delay. Thus, as we have alluded to earlier, if there is no explanation given, the court will assume that there are no reasons.

[69] We accordingly examined the evidence on record particularly the affidavits deposed by the inquiry officer, Nadia binti Mohd Izhar. We found none of her affidavits nor do any other affidavits from the respondents provide any credible reasons for the 21-day delay. The only reasons she gave in paras. 7 and 8 of her affidavit in reply dated 13 September 2018 were that she could only conduct physical examination on the appellant because she needed to read the file, examine the documents and the other subjects (witnesses). These, with respect, hardly constitute reasons because they are procedural

matters which every other inquiry officer in her place would have to perform. The court cannot simply accede to the inquiry officer's plea of heavy workload as basis for the delay to conduct inquiry against the appellant under s. 5(2) of the 1985 Act. If this plea were to be accepted, it would become a source of justification for prolonged and unacceptable delay in conducting the inquiry and this would impair the interest of the appellant.

[70] For the reasons aforementioned and in the absence of credible reasons for the delay, we had no option but to conclude that the 21-day delay in the time taken for the inquiry officer to conduct her inquiry against the appellant was inordinate and not with "convenient speed". This, to us was another reason rendering the detention unlawful.'

- [12] Mahkamah Persekutuan dalam kes **Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & 1 Yang Lain v. Awang Sari bin Lasikan [Rayuan Jenayah No.:05(HC)-69-04/2021(B)]** pula mengesahkan *ratio* kes **Chua Kian Voon (supra)** di mana alasan dan penjelasan "daily work load" bukan alasan yang memuaskan. Namun begitu, Mahkamah harus menggunakan "objective test" kerana ianya akan berbeza *case to case*. Rujukan kepada keputusan kes tersebut adalah seperti berikut:

'Issue 1: Delay

[2] The explanation proffered by the officer in relation to the delay of 36 days is not satisfactory because the explanation relates to the daily work load. The records disclose that after the fourth day of detention, no further investigation ensued. Therefore, there was no reason to delay the submission of the report.

(a) A reading of the Act clearly envisages that the Minister must make regulations detailing time limits. Where he has failed to do so, then the Interpretation Acts come into play meaning as expeditiously as possible - that is an objective test to be determined by the Court when considering all

of the circumstances. It will vary from case to case...'

- [13] Pihak Responden dalam menghujahkan isu ini menyatakan seperti berikut:
- i. Seksyen 3(3) serta 5(4) Akta LLPK tidak memperuntukkan tempoh masa pengemukaan laporan lengkap penyiasatan oleh Pegawai Penyiasat Polis serta laporan bertulis oleh Pegawai Siasatan. Oleh itu, kedua-dua peruntukan ini hendaklah dibaca bersama seksyen 3(2) Akta LLPK yang memperuntukkan kuasa polis untuk menahan Perayu tidak melebihi tempoh 60 hari dari tarikh tangkap.
 - ii. Selain itu, latar belakang penggubalan Akta LLPK telah membuktikan hasrat Parlimen memperuntukkan tempoh 60 hari tahanan tersebut adalah untuk tujuan siasatan dan dihujahkan termasuk pengemukaan laporan pasca siasatan.
 - iii. Apabila tiada tempoh masa khusus/spesifik telah ditetapkan di bawah Akta LLPK berkaitan tempoh masa laporan perlu dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat Polis dan Pegawai Siasatan KDN, maka tidak timbul isu kelewatan '21 hari' serta kelewatan '18 hari'. Kelewatan hanya timbul bila ada tempoh masa khusus/spesifik ditetapkan dan hanya selepas/melebihi tempoh masa yang telah ditetapkan barulah timbul kelewatan.
 - iv. Fakta dan keterangan kes **Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2020] 1 CLJ 747** bagi isu-isu ini boleh dibezakan fakta dan keterangan dengan fakta serta keterangan dalam kes Pemohon. Dalam kes Chua Kian Voon (supra), ia melibatkan isu tempoh masa selama 21 hari yang diambil oleh Pegawai Siasatan untuk menjalankan siasatan fizikal ke atas Perayu di bawah seksyen 5(2) Akta LLPK, manakala dalam kes Pemohon ini, isu yang telah dibangkitkan oleh peguam Pemohon yang bijaksana mengenai 'kelewatan' 21 hari oleh Pegawai Penyiasat Polis serta 'kelewatan' 18 hari oleh Pegawai Siasatan mengemukakan laporan masing-masing.

- v. Dalam kes **Chua Kian Voon (supra)**, penjelasan yang telah diberikan oleh Pegawai Siasatan agak ringkas jika dibandingkan dengan penjelasan serta justifikasi oleh Inspektor Hafieri serta dan Puan Nur Syahidah, Pegawai Siasatan KDN dalam Afidavit Jawapan masing-masing.
- vi. Rujukan dibuat kepada kes **Kumara Thevan a/l Muniandy Iwn Menteri Dalam Negeri, Malaysia Dan Lain-Lain [2021] 1 LNS 218 dan Vignasevaran A/L John Joseph v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2021]1 LNS 918**, kes-kes terkini oleh Mahkamah Tinggi dimana isu kelewatan yang dibangkitkan Pemohon telah ditolak seterusnya isu ini turut ditolak oleh Mahkamah Persekutuan semasa peringkat rayuan.

[14] Pihak Pemohon pula menghujahkan seperti berikut:

- i. Berdasarkan Perenggan 14 Afidavit Jawapan Inspektor Mohd Hafieri alasan-alasan yang disenaraikan merupakan alasan-alasan yang tidak kredibel dan telahpun ditolak dan oleh Mahkamah Persekutuan kerana ianya merupakan tugas hakiki beliau selaku seorang Pegawai Polis.
- ii. Tangkapan terhadap Pemohon telah dilakukan pada 15.9.2021. Rakaman percakapan Pemohon telah direkodkan pada 22.9.2021 dan 23.9.2021 iaitu selepas tujuh (7) hari selepas Pemohon ditangkap. Selain itu, keterangan saksi-saksi lain hanya direkodkan pada 19.9.2021 dan 27.9.2021 iaitu empat (4) hari dan dua belas (12) hari selepas Pemohon ditangkap.
- iii. Proses soal siasat bagi Pemohon dan saksi-saksi lain oleh Inspektor Mohd Hafieri dan lawatan tempat kejadian bagi kes Pemohon di mana tugas ini hanya mengambil satu (1) hari sahaja. Sementara itu, tugas seperti mengemukakan permohonan semakan salinan kad pengenalan Pemohon di Jabatan Pendaftaran Negara dan membuat permohonan di Jabatan Penjara Malaysia dan Bukit Aman bagi mendapatkan rekod kesalahan lampau adalah tugas yang semestinya dibuat (*'compulsory task'*) oleh setiap Pegawai Penyiasat bagi

setiap tangkapan dan ia hanya mengambil masa yang pendek sahaja (tidak perlu satu hari yang penuh) untuk mengemukakan permohonan tersebut.

- iv. Walaupun Inspektor Mohd Hafieri telah merakam percakapan saksi terakhir bagi kes Pemohon pada 27.9.2021, laporan lengkap hanyalah diserahkan kepada Pegawai Siasatan KDN dan TMDN selepas sembilan (9) hari. Malah, dalam tempoh masa 9 hari tersebut, fail kes Pemohon telah dikemaskini sebanyak dua kali, iaitu pada tarikh-tarikh 2.10.2021 dan 3.10.2021 walaupun tiada saksi lagi yang disoal siasat selepas tarikh 27.9.2021.
- v. Meneliti alasan-alasan yang dideposkan oleh Puan Nur Syahidah di Perenggan 10 dan 11 Afidavit Jawapannya, jelas bahawa kelewatan sejumlah 22 hari adalah disebabkan oleh beliau membuat tugas bagi kes-kes yang lain yang langsung tidak berkaitan dengan kes Pemohon dan juga beberapa cuti hujung minggu dan cuti umum.
- vi. Proses soal siasat bagi Pemohon telah siap dalam 1 hari. Selain daripada proses soal siasat Pemohon, tiada keterangan yang jelas tentang apakah tugas lain yang dibuat oleh Puan Nur Syahidah berkenaan dengan kes Pemohon. Proses soal siasat bagi saksi berkenaan dengan kes ini juga langsung tidak pernah berlaku. Ini jelas menunjukkan bahawa siasatan bagi kes Pemohon sebenarnya boleh dijalankan oleh Puan Nur Syahidah dalam suatu tempoh masa yang munasabah, lebih-lebih lagi beliau hanya mengambil masa selama 1 hari sahaja untuk membuat tugas yang berkenaan dengan kes Pemohon.

[15] Mahkamah ini berpendapat isu ini bermerit dan menyebabkan suatu ketidakpatuhan prosedur kerana:

- i. Berdasarkan prinsip dalam kes **Chua Kian Voon (supra)**, alasan yang diberikan itu merupakan alasan yang tidak boleh diterima kerana ianya adalah '*daily workload*' dan merupakan perkara prosedur yang perlu dilakukan oleh semua Pegawai Siasatan KDN yang lain juga. Prinsip dalam kes **Chua Kian Voon (supra)** juga telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Awang Sari**

Lasikan (supra) dan Mahkamah Persekutuan dalam kes ini juga telah menyatakan undang-undang berkenaan isu kelewatan dalam kes Mahkamah Persekutuan **Tamilarasan (supra)** (yang dirujuk oleh pihak Responden) *not a good law*.

- ii. Alasan-alasan seperti kerja-kerja lain, meneliti fail kes Pemohon, meneliti dokumen-dokumen kes dan memeriksa saksi-saksi lain bukanlah merupakan alasan yang boleh diterima oleh Mahkamah kerana alasan-alasan ini merupakan tugas prosedural yang perlu dilakukan oleh semua pegawai.

ISU KETIGA DAN KEEMPAT:
JURUBAHASA TAMIL TIDAK DIBEKALKAN KEPADA PEMOHON KETIKA PROSES SIASATAN OLEH PEGAWAI SIASATAN KDN DAN SEMASA BORANG I DISERAHKAN KEPADA PEMOHON

[16] Pihak Pemohon menghujahkan bahawa tidak ada khidmat Jurubahasa Tamil disediakan semasa:

- i. Siasatan fizikal oleh Pegawai Siasatan KDN; dan
- ii. Serahan Borang I oleh Pegawai Penyiasat Polis.

[17] Hujahan pihak Pemohon secara ringkasnya seperti berikut:

- i. Pemohon telah memohon untuk khidmat seorang jurubahasa yang fasih dalam Bahasa Tamil dibekalkan di setiap peringkat penahanan beliau termasuk semasa rakaman percakapan direkodkan, semasa Perintah Tahanan diserahkan oleh Pegawai Penyiasat, semasa penerangan hak-hak Pemohon di PPA Batu Gajah dan semasa Pendengaran Representasi dijalankan. Hasil daripada permohonan Pemohon, khidmat seorang jurubahasa yang fasih dalam Bahasa Tamil memang telah dibekalkan kepada Pemohon di setiap peringkat penahanan beliau.
- ii. Rujukan dibuat kepada Afidavit Jawapan Pegawai Penyiasat Kes Fail iaitu Inspektor Mohd Hafieri, Afidavit Jawapan warder penjara iaitu Encik Faizal bin Ahmad dan Afidavit Jawapan Setiausaha Lembaga Penasihat iaitu Puan Jasmawani binti Ibrahim.

- iii. Pemohon selanjutnya menegaskan dalam Afidavit Jawapan Pemohon bahawa Perintah Tahanan dan Borang I adalah disampaikan / dibekalkan kepada beliau pada waktu yang sama. Namun selepas isi kandungan Perintah Tahanan diterjemahkan kepada Pemohon dalam Bahasa Tamil oleh Koperal N Guna Segaran, Koperal N Guna Segaran terus beredar kerana beliau mempunyai perkara yang mustahak untuk dikendalikan pada masa tersebut dan Inspektor Mohd Hafieri sendiri setuju bahawa Borang I adalah satu borang yang senang difahami di mana penterjemahan adalah tidak diperlukan.
- iv. Pernyataan Inspektor Mohd Hafieri dan Koperal N Guna Segaran dalam Afidavit-Afidavit Jawapan mereka yang menyatakan bahawa Pemohon hanya memerlukan khidmat jurubahasa Tamil semasa Perintah tahanan disampaikan dan tidak semasa Borang I disampaikan/dibekalkan kepada Pemohon adalah tidak munasabah memandangkan kedua-dua Perintah Tahanan dan Borang I adalah dibekalkan/disampaikan kepada Pemohon pada waktu yang sama.
- v. Sekiranya jurubahasa Tamil dibekalkan kepada Pemohon semasa Borang I diisi oleh Pemohon, ianya akan membantu Pemohon untuk mengisi butiran dalam Borang I dengan lebih tepat. Jelas bahawa Pemohon memang tidak berapa fasih Bahasa Malaysia memandangkan terdapat beberapa kesilapan ejaan dan sesetengah huruf dalam huruf besar manakala sesetengah huruf dalam huruf kecil.

[18] Sebaliknya pihak Responden menghujahkan bahawa:

- i. Pemohon dalam kes ini sesungguhnya memahami bahasa Melayu dan telah memilih untuk tidak dibekalkan khidmat jurubahasa walaupun telah ditanya oleh Pegawai Siasatan.
- ii. Tidak ada sebab untuk Pegawai Siasatan menafikan dan tidak memberikan khidmat jurubahasa Tamil kepada Pemohon semasa siasatan dijalankan oleh Pegawai Siasatan jika benar Pemohon memerlukan khidmat jurubahasa Tamil. Penjelasan sewajarnya telah diberikan

oleh Nur Syahidah, Pegawai Siasatan serta oleh Koperal N Guna Segaran berkaitan isu ini dalam affidavit jawapan mereka.

- iii. Inspektor Hafieri serta Koperal N Guna Segaran dalam AJ dan AB masing- masing juga telah menjelaskan berkaitan isu ini bahawa semasa Borang I disampaikan, Pemohon telah memaklumkan kepada Inspektor Hafieri dan Koperal N Guna Segaran bahawa Pemohon tidak memerlukan jurubahasa untuk menerangkan mengenai Borang I tersebut.
- iv. Berdasarkan prinsip yang digariskan di dalam kes **Su Yu Min v Ketua Polis Negeri & Ors. [2005] 3 CLJ 875**, keterangan affidavit Pegawai Penyiasat Polis, Pegawai Siasatan KDN dan Koperal N Guna Segaran sewajarnya diterima oleh Mahkamah kerana mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi di dalam kes ini berbanding Pemohon yang hanya membuat dakwaan untuk lepas dari Perintah Tahanan.

[19] Isu ini bermerit kerana:

- i. Berdasarkan Affidavit Jawapan Pegawai Penyiasat Kes Fail, Affidavit Jawapan Warder Penjara, dan Affidavit Jawapan Setiausaha Lembaga Penasihat, Pemohon telah memohon dan telah dibekalkan dengan khidmat seorang jurubahasa yang fasih dalam Bahasa Tamil di setiap peringkat penahanannya iaitu semasa rakaman percakapan direkodkan, semasa Perintah Tahanan diserahkan oleh Pegawai Penyiasat, semasa penerangan hak-hak Pemohon di PPA Batu Gajah dan semasa Pendengaran Representasi dijalankan.
- ii. Rujukan juga dibuat ke atas kes oleh Y.A Dato' Mohd Yazid bin Haji Mustafa dalam kes **Devendran Munian v. TMDN dan 2 Lagi [2022] 1 LNS 36** seperti berikut:

[35] Atas isu ini, saya menolak pengataan Pegawai Siasatan bahawa Pemohon fasih dan boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia. Pertama, Pegawai Penyiasat Inspektor Tharumaselan a/l Ramanathan telah memilih

untuk berkomunikasi dengan Pemohon dalam Bahasa Tamil. Kedua, Pegawai Penyiasat juga menyatakan Pemohon telah memaklumkan kepada beliau bahawa Pemohon memerlukan khidmat jurubahasa Tamil untuk menerangkan Perintah Tahanan sebelum Inspektor Tharumaselan a/l Ramanathan menyerahkan Perintah Tahanan. Ketiga, Pemohon telah mengisi Borang 1 yang jelas mencatatkan bahawa Pemohon ini bertutur dalam Bahasa Tamil sewaktu pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Ianya juga jelas menunjukkan bahawa Pemohon telah dibekalkan dengan jurubahasa Tamil sewaktu Perintah Tahanan, alasan dan pengataan fakta, Borang 1 dan hak representasi diterangkan kepada Pemohon di PPA Batu Gajah melalui khidmat jurubahasa. Malah, pihak Lembaga Penasihat telah berpendapat bahawa Pemohon memerlukan khidmat jurubahasa Tamil sewaktu prosiding pendengaran representasi di mana seorang jurubahasa Tamil telah dibekalkan kepada Pemohon.

[36] Saya mendapati isu ini adalah isu yang kerap kali dibangkitkan oleh Pemohon bagi suatu permohonan untuk mendapatkan perintah 'writ of habeas corpus'. Dari pemerhatian saya, Pegawai Siasatan, seorang yang mempunyai kelayakan Undang-undang sepatutnya lebih peka dan sensitif ke atas hak asas individu agar prinsip keadilan semulajadi terpelihara. Pemohon yang didapati tidak fasih Bahasa Malaysia sepatutnya tidak dinafikan haknya untuk berkomunikasi dengan Pegawai Siasatan dalam Bahasa Tamil, bahasa ibunda Pemohon (Rujuk kes *Chitra Devi Suppiah v. TMDN & ors* [2011] 3 CLJ 557.)

[37] Atas isu ini, saya bersetuju dengan hujahan Peguam Pemohon dan isu ini juga adalah juga bermerit.'

[20] Daripada penelitian Mahkamah, ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa Pemohon memerlukan Jurubahasa Tamil.

[21] Di dalam kes **SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705**, Y.A Gopal Sri Ram memutuskan:

'It is for the respondents to prove that the constitutional and statutory safeguards embodied in article 151 and Section 6(1) was strictly complied. The liberty of an individual should not be infringed upon even the slightest extent without proof that the impugned infringement is in accordance with the Constitution and statute...'

[22] Merujuk kes Mahkamah Persekutuan **Muniandy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & 2 Lagi [Rayuan Jenayah No: 05(HC)-19709/2021]** telah membenarkan rayuan Perayu atas isu yang sama iaitu ia adalah tidak logik bahawa Perayu memerlukan Jurubahasa pada setiap peringkat tetapi hanya ketika siasatan fizikal dijalankan oleh Pegawai Siasatan KDN, Perayu fasih Bahasa Malaysia dan tidak memerlukan Jurubahasa dan seterusnya memutuskan bahawa kegagalan Pegawai Siasatan KDN untuk membekalkan khidmat Jurubahasa semasa siasatan telah memprejudiskan hak Pemohon.

[23] Di dalam kes **L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 7 CLJ 653**, Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan keputusan di dalam kes **Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 4 CLJ 613**; **Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Arasa Kumaran [2006] 4 CLJ 847**; **Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687** dan **Lim Weng Jeng v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & ors [2009] 1 CLJ 686**.

[24] Proses siasatan adalah penting memandangkan ia merupakan satu ruang bagi Pemohon untuk menceritakan kepada Pegawai Siasatan KDN. Memandangkan tiada Jurubahasa Tamil dibekalkan semasa siasatan timbul

keraguan sama ada keterangan yang diberikan oleh Pemohon adalah tepat.

Kegagalan Pegawai Siasatan KDN untuk membekalkan seorang Jurubahasa Tamil menyebabkan ketidakpatuhan prosedur dan laporan yang disediakan adalah defektif di bawah seksyen 5(4) Akta tersebut.

ISU KELIMA:

SAKSI- SAKSI YANG DIPOHON OLEH PEMOHON TIDAK DIKEMUKAKAN DI HADAPAN LEMBAGA PENASIHAT SEKALIGUS MENYEBABKAN KETERANGAN SAKSI-SAKSI TERSEBUT TIDAK DAPAT DIDENGAR KETIKA PENDENGARAN REPRESENTASI PEMOHON

- [25] Pihak Pemohon mendakwa Lembaga Penasihat telah gagal untuk mengeluarkan sepina kepada saksi-saksi yang ingin dipanggil ke pendengaran representasi Pemohon walaupun telah dipohon. Justeru, Pemohon mendakwa Pemohon telah dinafikan suatu pendengaran representasi yang adil dan efektif yang menyebabkan ketidakpatuhan prosedur.
- [26] Pihak Pemohon menghujahkan lagi bahawa kegagalan Lembaga Penasihat untuk membenarkan penangguhan yang dimohon mereka semasa prosiding representasi lanjutan daripada ketidakhadiran saksi yang dimohon untuk sepina dikeluarkan dan dikemukakan menunjukkan suatu pelanggaran kepada prinsip undang-undang yang mantap dan prinsip “fair hearing” dan “natural justice”. Hak Pemohon untuk mendapatkan suatu representasi yang adil dan efektif telah dinafikan sepertimana hak-hak yang dijamin dibawah Perlembagaan Persekutuan. Maka, wujudnya suatu ketidakpatuhan kepada Artikel 151 Perlembagaan Persekutuan.
- [27] Pihak Pemohon seterusnya berhujah bahawa Pemohon telah mengikuti prosedur yang betul dalam membuat permohonan pengeluaran sepina di mana surat permohonan telahpun dihantar kepada Lembaga Penasihat dalam tempoh masa yang ditetapkan. Namun demikian, permohonan Pemohon untuk memanggil saksi-saksi material ini telah ditolak dan/atau diendah tanpa sebarang alasan yang munasabah.

- [28] Menurut hujahan pihak Pemohon lagi, Lembaga Penasihat hanya mengeluarkan sapina terhadap pegawai kes fail sahaja tetapi tidak mengeluarkan sapina terhadap saksi-saksi polis lain dan sebaliknya mengarahkan peguam untuk menguruskannya dengan Jabatan masing-masing walaupun saksi polis tersebut bertugas di tempat yang sama dengan pegawai kes fail ini.
- [29] Pihak Responden pula sebaliknya berhujah bahawa Pemohon telah gagal menunjukkan apakah kepentingan yang akan diberikan oleh saksi-saksi itu adalah merupakan anggota polis yang terlibat dengan rakaman percakapan dan penyerahan Perintah Tahanan dan Borang I sahaja. Berbeza dengan skop permohonan habeas corpus atau Semakan Kehakiman di Mahkamah, tugas Lembaga Penasihat adalah untuk menilai merit kes Pemohon, bukan menilai isu ketidakpatuhan prosedur.
- [30] Pihak Responden menghujahkan bahawa seksyen 12 Akta tidak mewujudkan kehendak prosedur mandatori kepada Lembaga Penasihat untuk mengeluarkan sapina ke atas setiap saksi yang dipohon. Tertakluk kepada budi bicara Lembaga Penasihat sama ada hanya mengeluarkan sapina kepada Pegawai Penyiasat Kes Fail yang difikirkan perlu dan amat material untuk hadi. Bagi saksi-saksi lain, Lembaga Penasihat tidak menghalang untuk dibawa ke hadapan Lembaga Penasihat tetapi permohonan harus dibuat oleh peguam kepada pihak berotoriti terlebih dahulu dan bukannya melalui Lembaga Penasihat.
- [31] Isu penolakan pengeluaran sapina oleh pihak Lembaga Penasihat kepada saksi-saksi yang dipohon oleh Pemohon telah pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Kanageswaran a/l Siwapirkasam v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & 2 Lagi [No. Rayuan: 05-178-08/2017]** dan **Collius Nwanganga v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & 2 Lagi [Rayuan No: 05-251-10/2017]** di mana keputusannya adalah seperti berikut:
- i. Pihak Pemohon telah membuat permohonan pengeluaran sapina terhadap saksi-saksi berdasarkan kepada alasan-alasan kukuh yang menjurus kepada hal perkara Perintah Tahanan, Lembaga Penasihat

seharusnya mengeluarkan sapina tersebut. Sekiranya Lembaga Penasihat ingin menolak permohonan sapina tersebut, Lembaga Penasihat seharusnya memberi alasan-alasan yang lengkap dan munasabah untuk menyangkal alasan-alasan yang diberikan oleh Pemohon dalam permohonannya.

- ii. Mahkamah Persekutuan seterusnya memutuskan bahawa keengganan pihak Lembaga Penasihat untuk mengeluarkan sapina seperti yang dipohon telah menafikan hak Pemohon untuk mendapatkan '*a fair trial*' kerana Pemohon tidak diberikan peluang untuk menjalankan representasinya dengan sempurna.

[32] Pemohon telah diprejudiskan akibat ketidakhadiran saksi-saksi material yang dipohon untuk menghadiri Pendengaran Representasi Pemohon.

Ini bertentangan dengan Artikel 5, Artikel 8 dan Artikel 151 Perlembagaan Persekutuan kerana Pemohon tidak dapat memanggil saksi-saksi yang dapat membuktikan ketidakbersalahan Pemohon dan menafikan hak Pemohon untuk mendapatkan '*a fair trial*' kerana Pemohon tidak diberikan peluang untuk menjalankan representasinya dengan sempurna.

[33] Penolakan pengeluaran sapina dan penolakan permohonan pengemukaan saksi terhadap kesemua saksi yang dipohon oleh pihak Pemohon jelas bertentangan dengan Artikel 5, Artikel 8 dan Artikel 151 Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana Pemohon tidak dapat memanggil saksi yang dapat membuktikan ketidakbersalahan Pemohon dan ini dengan sekaligus telah menafikan hak Pemohon untuk mendapatkan '*a fair trial*' kerana Pemohon tidak diberikan peluang untuk menjalankan representasi beliau dengan sempurna.

[34] Perlanggaran Artikel-Artikel di bawah Perlembagaan Persekutuan ini juga merupakan suatu pelanggaran undang-undang prosedur ("*procedural law*"). Merujuk kepada kes **Lee Kwan Woh v Public Prosecutor [2009] 5 MLJ 30**, di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa pelanggaran Artikel 5 dan Artikel 8 merupakan pelanggaran

undang-undang prosedur (“procedural law”). Petikan yang berkaitan adalah seperti berikut:

‘(1) To determine whether the right claimed in the instant case exists at all turns on the interpretation of art 5(1) of the Constitution. As the Federal Constitution is the supreme law of the Federation it ought not to be interpreted by the use of the canons of construction that are employed as guides for the interpretation of ordinary statutes. In addition, the constitution is a document sui generis governed by interpretive principles of its own which imposes a duty on the court to adopt a prismatic approach when interpreting the fundamental rights guaranteed under Part 11 of the Constitution, Further in interpreting provisions appearing in Part II of the Constitution the court must bear in mind art 8 that guarantees fairness in all legislative, administrative and judicial action (see paras 7-8, 12).

(2) The expression law in art 5(1) of the Constitution included written law and the common law of England i.e., the rule of law and all its integral components and in both its procedural and substantive dimensions. Thus it is settled law that the rule of law has both procedural and substantive dimensions. It is also clear from the authorities that it is a fundamental right guaranteed by art 5(1) that a person's life or personal liberty may not be deprived save in accordance with state action that is fair both in point of procedure and substance. When this principle is applied to a criminal case it means that the accused has a constitutionally guaranteed right to receive fair trial, which includes his right to make a submission of no case at the close of the prosecution's case and that he cannot waive this right or be deprived of it. However, in the instant case the accused did not have a fair trial and art 5(1) was violated. Thus, at the close of the prosecution case, a trial court must invite submissions from the accused and it was then open to the accused to elect to either make a submission or not to, but the court could not deny him the opportunity to make a submission of no case to answer (see paras 16, 18-19).

[15] We next move to consider the expression 'according to law' appearing in art 5. It is counsel's submission that the expression 'law' includes procedural law. In support he cited the judgment of Lee Hun Hoe CJ (Borneo) in *Re Tan Boon Liat* [1977] 2 MLJ 108 where the learned Chief Justice held that:

... 'in accordance with law in art 5 of our Constitution is wide enough to cover procedure as well. Here the point is not whether the question of procedure is more important under one Constitution than under the other. If the expression 'in accordance with law' were to be construed as to exclude procedure then it would make nonsense of art 5.

With respect we agree. It is equally our misfortune that we find ourselves in disagreement with the contrary view expressed by Suffian LP in the same case and in *Karam Singh v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1969] 2 MLJ 129. In our judgment what art 5(1) strikes down is all forms of state action that deprive either life or personal liberty bearing a meaning of the widest amplitude in contravention of substantive or procedural law.'

[35] Keengganan pihak Lembaga Penasihat untuk mengeluarkan sepina dan mengemukakan saksi seperti mana yang dipohon oleh Pemohon telah menyebabkan Pemohon dinafikan 'a fair trial' dalam Pendengaran Representasi Pemohon terutamanya apabila keterangan saksi-saksi tersebut yang boleh menyangkal segala pengataan-pengataan fakta di dalam Perintah Tahanan Pemohon tidak dapat dikemukakan di hadapan Lembaga Penasihat. Ini telah menyebabkan Pemohon tidak dapat menjalankan Pendengaran Representasi beliau dengan efektif dan sempurna.

[36] Isu ini bermerit. Rujukan boleh dibuat kepada kes terkini yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu kes **Kanageswaran a/l Siwapirkasam v. Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah and 2 Others** [05-178-08/2017] seperti berikut:

'Lembaga Penasihat tidak boleh memilih untuk mengeluarkan sepina kepada saksi dan kegagalan

mengeluarkan sapina kepada saksi-saksi polis yang dipohon telah menyebabkan representasi Lembaga Penasihat adalah suatu ketidakpatuhan kepada Artikel 5 dan 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.'

C. KESIMPULAN

- [37] Adalah menjadi tanggungjawab Responden sepenuhnya untuk memberi keterangan dan mengemukakan bukti kepada Mahkamah bahawa tahanan tersebut merupakan tahanan yang sah di sisi undang-undang. Pemohon tidak langsung ditetapkan apa-apa tanggungjawab di bawah undang-undang untuk menunjukkan kepada Mahkamah bahawa dia perlu dan berhak diberi kebebasan dari tahanan itu.
- [38] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas dan dapatan bahawa semua isu yang dibangkitkan adalah bermerit. Mahkamah ini membenarkan permohonan Pemohon untuk Habeas Corpus dan Pemohon dibebaskan dengan serta merta.


(NORSHARIDAH BINTI AWANG)
Pesuruhjaya Kehakiman

Tarikh : 5 Ogos 2022

